

**KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA**



**CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA**

Y.A.-Y.A. Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Hakim Kanan / Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Pegawai Penyelidik / Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Yang Arif-Yang Arif / Tuan / Puan,



**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA BIL. 1/2008
PENANGGUHAN KES**

Y.A.A. Ketua Hakim Negara setelah berunding dengan Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan, Y.A.A. Hakim Besar Malaya dan Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak dengan ini mengarahkan seperti berikut :

Arahan ini terpakai bagi semua perbicaraan dan pendengaran di semua mahkamah.

Arahan ini dikeluarkan sebagai garis panduan kepada mahkamah dalam melaksanakan budibicaranya semasa menimbang sesuatu permohonan untuk penangguhan kes.

1. **Perbicaraan Jenayah**

Di bawah seksyen 259(1) Kanun Prosedur Jenayah, mahkamah mempunyai kuasa untuk menangguh mana-mana perbicaraan dengan sebab ketidakhadiran saksi atau apa-apa sebab lain yang munasabah. Walaupun seksyen ini memberi kuasa yang luas, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut :-

- (i) Seseorang tertuduh / defendan itu adalah berhak diwakili oleh peguam yang dipilihnya jika peguam itu sanggup dan mampu mewakilinya;

- (ii) Bahawa peguam itu sedang bercuti atau menghadiri kursus atau seminar tanpa memberitahu mahkamah dalam masa yang mencukupi, bukanlah suatu sebab untuk membenarkan penangguhan;
- (iii) Bahawa peguam itu tiba-tiba jatuh sakit adalah alasan yang mencukupi dengan syarat perakuan sakit dikemukakan kepada mahkamah;
- (iv) Bahawa permohonan itu adalah permohonan penangguhan yang pertama bukanlah, dengan sendirinya, menjadi alasan yang mencukupi untuk membenarkan penangguhan; dan
- (v) Bahawa seseorang peguam itu terlibat di mahkamah lain pada tarikh yang sama bukanlah suatu sebab untuk membenarkan penangguhan.

Pertimbangan yang sama hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi permohonan untuk penangguhan oleh Timbalan Pendakwaraya atau Pegawai Pendakwa.

2. Perbicaraan Sivil

- (i) Di bawah Aturan 35 Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Mahkamah Tinggi juga mempunyai kuasa sedia ada untuk menangguhkan perbicaraan kes demi kepentingan keadilan kedua-dua pihak.
- (ii) Di bawah Aturan 28 Kaedah 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, Mahkamah Rendah juga mempunyai kuasa untuk menangguhkan perbicaraan sesuatu kes.

Garis panduan di perenggan 1 (i) – (v) adalah terpakai *mutatis mutandis* bagi perbicaraan sivil di Mahkamah Tinggi dan Rendah.

3. Penangguhan Oleh Mahkamah

Seseorang Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Majistret hendaklah mengelak daripada menangguh kes-kes yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi dan pegawai-pegawai yang tersebut hendaklah merancang cuti rehat dan juga merancang untuk menghadiri kursus atau seminar. Jika cuti terpaksa diambil dalam keadaan kes-kes telah ditetapkan, persediaan hendaklah dibuat, jika boleh, agar seseorang lain

dapat mengambilalih tugas pada tarikh-tarikh berkenaan atau tarikh baru yang singkat dapat ditetapkan.

4. **Penangguhan Keputusan**

Jika kes ditangguhkan untuk keputusan, tarikh bila mana suatu keputusan itu akan diberi hendaklah ditetapkan tidak lewat daripada empat (4) minggu atau, jika penghakiman bertulis akan diberi tidak lewat daripada lapan (8) minggu dari tarikh kes itu ditangguhkan.

5. **Pembatalan**

Arahan Amalan Bil. 1/2004 adalah dibatalkan.

6. **Tarikh Kuatkuasa**

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2008.



(TUN DATO' SERI ABDUL HAMID BIN HAJI MOHAMAD)
Ketua Hakim Negara

s.k.

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petra Jaya, Kuching
Sarawak